

IPTA perlu tingkat kualiti modal insan

BH - 10/11/2006

PETALING JAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pentadbir dan tenaga akademik institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menambah nilai usaha meningkatkan kualiti modal insan bagi melahirkan lebih ramai intelektual tempatan.

Perdana Menteri berkata, usaha berkenaan penting bagi membolehkan rakyat negara ini bersaing dengan masyarakat antarabangsa, terutama dalam bidang sains dan teknikal.

Beliau berkata, walaupun IPTA sudah pun mencapai kejayaan dalam melahirkan graduan berkualiti,

itu tidak bermakna usaha berkenaan tidak boleh dipertingkatkan lagi.

"Harapan saya ialah Pro Canselor, Naib Canselor, pentadbir dan tenaga akademik meningkatkan pencapaian IPTA masing-masing.

"Untuk 50 tahun akan datang, kita mahu modal insan ditambah nilai untuk bersaing dengan negara lain," katanya pada majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke-50 Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sebuah hotel, di sini, malam tadi.

Hadir sama, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permai-

suri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah.

Pada majlis itu, UiTM memberikan Anugerah Tokoh Pembela Bangsa kepada Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein sebagai mengenang jasa beliau menubuhkan Dewan Latihan Rida yang kemudian ditukar nama kepada Maktab Mara dan Institut Teknologi Mara (ITM) sebelum dinaik taraf sebagai universiti.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Seri Paduka kepada balu Tun

Abdul Razak, Tun Rahah Mohd Noah.

Abdullah berkata, sepanjang 50 tahun penubuhannya, UiTM berjaya melahirkan 300,000 graduan Bumiputera dalam bidang profesional dan separa profesional, sekali gus meningkatkan taraf hidup masyarakat itu yang kebanyakannya golongan miskin.

"Dalam usaha kita mengurangkan kadar kemiskinan dari 50 peratus selepas merdeka kepada 5.7 peratus sekarang, kehadiran anak-anak kita membantu memberi sumbangan menurunkan kadar kemiskinan," katanya.